

Headline **Komputer iDOLA dihantar ke Afrika**
Date **01 Sep 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V20**
Article Size **427 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,278**
PRValue **36,835**



Komputer iDOLA dihantar ke Afrika

Peranti dilengkapi iSDP ditawarkan sebagai sumbangan Malaysia

Afiq Haniff

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sehingga kini sudah menyumbangkan 328 unit komputer iDOLA 1Malaysia kepada golongan yang memerlukan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Mosti, Fadillah Yusof, berkata usaha terbabit disasarkan kepada golongan pelajar, anak yatim dan ibu tunggal bagi memberi pengetahuan berasaskan teknologi yang berupaya menjana maklumat di kalangan individu.

"Bagi tujuh terbabit, kami bekerjasama dengan Mimos yang mencipta iDOLA bagi memastikan kesesuaian perisian ditawarkan kepada golongan sasaran dengan harapan mereka mampu mendapatkan ilmu secara online," katanya.

Menurut Fadillah, pihaknya melalui YIM akan memastikan aplikasi bersesuaian ditempatkan dalam laptop terbabit

seperti modul pengajaran yang dihubungkan dengan Kementerian Pelajaran untuk manfaat pelajar.

"Buat masa ini, iDOLA 1Malaysia dibekalkan aplikasi Platform Penghantaran Perkhidmatan Pintar (iSDP) iaitu perisian berasaskan web yang mesra pengguna dan mudah digunakan direka bentuk untuk memacu penyampaian perkhidmatan kepada pengguna," katanya.

iDOLA adalah laptop dilengkapi iSDP dimajukan Mimos direka untuk kegunaan masyarakat umum khususnya kepada mereka yang baru menggunakan komputer.

iSDP yang dilengkapkan di dalam iDOLA tidak boleh didapati dalam laptop lain di pasaran

kerana ia mempunyai peranan khusus untuk menyalurkan maklumat penting dari pihak kerajaan kepada rakyat yang mana sistem terbabit disusun dengan ikon mudah difahami.

Menurut Fadillah, mela-

lui pembangunan iDOLA, ia diharap mampu memacu matlamat untuk mencapai 50 peratus kadar penembusan jalur lebar yang dicita-citakan kerajaan menjelang akhir tahun ini.

"Kami akan turut menawarkan iDOLA kepada negara dunia ketiga di Afrika yang memerlukan teknologi sebagai sumbangan kerajaan Malaysia.

"Setakat ini, kami mempunyai perancangan untuk menghantar 20 unit ke Kenya," katanya dalam temuramah eksklusif bersama IT@Metro minggu lalu selepas menyerahkan 20 unit sama kepada anak yatim di Rumah Ilham, Yayasan Anak-Anak Yatim Pinggir Taman Tun Dr Ismail.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Mustapha, berkata penyerahan iDOLA 1Malaysia adalah sebahagian daripada usaha Mosti dan YIM dalam memastikan semua inovasi yang dihasilkan

anak tempatan dapat dimanfaatkan dan diguna pakai masyarakat Malaysia.

"Teknologi 'mashup' (aplikasi hibrid) Mimos dapat membawa maklumat terus kepada pengguna dengan sekali klik.

"iSDP bakal membekalkan maklumat khusus terus

kepada pengguna sebagai maklumat online dengan menekan butang pada sesetengah ikon tanpa perlu mengingati laman web," katanya.

iDOLA V2 didatangkan dengan kebolehan penuh sebuah PC termasuk RAM sebesar 1GB yang boleh dikemaskini sehingga 2GB, sokongan WLAN dan Bluetooth serta didatangkan dengan teknologi ipv6 bagi capaian Internet.



Headline **Komputer iDOLA dihantar ke Afrika**
Date **01 Sep 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V20**
Article Size **427 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,278**
PRValue **36,835**



MUDAH GUNA...
Fadillah (tengah)
dan Aziph (kanan)
menunjukkan
kaedah
penggunaan iDOLA
kepada anak yatim
di Rumah Ilham.